AXCEL MOMETASONE 0.1% CREAM

Mometasone Furoate (0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Mometasone 0.1% Cream.
2. Bagaimana Axcel Mometasone 0.1% Cream berfungsi.
3. Sebelum mengambil Axcel Mometasone 0.1% Cream.
4. Cara menggunakan Axcel Mometasone 0.1% Cream.
5. Semasa menggunakan Axcel Mometasone 0.1% Cream.
6. Kesan- kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Mometasone 0.1% Cream.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.

Apakah kegunaan Axcel Mometasone 0.1% Cream

Axcel Mometasone 0.1% Cream digunakan untuk melegakan manifestasi radang dan pruritic kortikosteroid dermatoses responsif, seperti psoriasis dan dermatitis atopik.

Bagaimana Axcel Mometasone 0.1% Cream berfungsi

Mometasone Furoate adalah kortikosteroid sintetik yang digunakan secara topikal untuk mengurangkan keradangan kulit.

Sebelum mengambil Axcel Mometasone 0.1% Cream

– *Bila tidak boleh mengambil*

- Jika anda alah atau hipersensitif kepada *Mometasone Furoate*, kortikosteroid lain atau mana-mana komponen ubat ini.

– *Sebelum mula mengambil*

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- anda mengandung atau menyusukan bayi.
- anda alah pada mana- mana ubat- ubatan.

– *Jika mengambil ubat- ubat lain*

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan Axcel Mometasone 0.1% Cream

– *Berapa banyak harus digunakan*

Sapukan cream yang nipis pada kawasan kulit yang terjejas sekali setiap hari sehingga luka sembuh atau untuk tempoh tiga minggu, yang mana lebih awal.

– *Bila perlu digunakan*

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Mometasone 0.1% Cream.

– *Berapa lama perlu digunakan*

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.
- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

– *Jika terlupa menggunakan*

Jika anda terlupa untuk mengambil ubat anda pada masa yang ditetapkan, ambil semula secepat mungkin apabilan anda mengingatinya, dan terus mengambilnya seperti biasa.

– *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Anda perlu hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Mometasone 0.1% Cream berlebihan.

Semasa menggunakan Axcel Mometasone 0.1% Cream

– *Perkara yang perlu dilakukan*

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil ubatan lain.
- Ambil Axcel Mometasone 0.1% Cream mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

– *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

- Jangan ambil Axcel Mometasone 0.1% Cream lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan melebihi dos ubat pada setiap satu masa pengambilan.

– *Perkara yang perlu diberi perhatian*

- Jika kerengsaan atau pemekaan berkembang dengan penggunaan Axcel Mometasone 0.1% Cream, rawatan harus dihentikan.
- Produk ini tidak digunakan untuk oftalmik.

Kesan- kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Mometasone 0.1% Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Kesan sampingan setempat yang sangat jarang telah dilaporkan termasuk membakar, pruritus, kesemutan / rasa pedih dan tanda atrofi kulit.
- Yang berikut kesan smapingan setempat yang jarang dengan penggunaan topikal kortikosteroid lain telah dilaporkan: kerengsaan, hypertrichosis,

AXCEL MOMETASONE 0.1% CREAM

Mometasone Furoate (0.1% w/w)

hypopigmentation, dermatitis perioral, dermatitis alahan, kehabisan tenaga kulit, jangkitan sekunder, striae dan miliaria.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Mometasone 0.1% Cream

– *Penyimpanan*

Jauhkan Axcel Mometasone 0.1% Cream daripada kanak-kanak.
Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

– *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

– *Rupa dan warna produk*

Axcel Mometasone 0.1% Cream adalah berwarna putih dan berlarut dengan air.

– *Bahan- bahan kandungan*

Bahan Aktif:
Mometasone Furoate

Bahan Tidak Aktif:
Propylene Glycol, Methylparaben, Sodium Dihydrogen Phosphate Anhydrous, Cetostearyl Alcohol, Liquid Paraffin, Cremophor A6, Cremophor A25 dan Purified Water.

– *Nombor MAL*

MAL13085052AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/03/25

Nombor Siri

NPRA(R2/1)250307/1428